

21 JUL 1999

Mahathir-Lawatan

DR MAHATHIR LAWAT MELAKA PADA 9 DAN 10 OGOS

MELAKA, 21 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan kerja dua hari ke Melaka pada 9 dan 10 Ogos ini.

Ketua Menteri Datuk Seri Abu Zahar Isnin berkata pada hari pertama, Dr Mahathir akan mengadakan perjumpaan dengan badan perhubungan Umno Melaka dan jawatankuasa badan perhubungan Barisan Nasional.

Beliau juga akan mengadakan perjumpaan dengan anggota jawatankuasa pergerakan Pemuda dan Wanita selepas diraikan pada satu majlis makan tengah hari.

Abu Zahar berkata acara kemuncak lawatan Dr Mahathir ialah menghadiri perhimpunan bersama rakyat di Padang Pahlawan, Bandar Hilir, di sini pada petangnya.

Kira-kira 20,000 orang dijangka menghadiri majlis itu untuk mendengar amanat Perdana Menteri mengenai isu semasa di padang yang sama Perdana Menteri pertama almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mengumumkan tarikh perisytiharan kemerdekaan negara pada Februari 1956.

"Perhimpunan itu akan mengenang susur galur perjuangan bangsa Melayu dan Umno dalam menentukan kemerdekaan tanah air daripada penjajah," kata Abu Zahar kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di Seri Negeri, di sini hari ini.

Dr Mahathir selepas itu dijadual menghadiri jamuan makan malam di Dewan Sekolah Menengah Pay Fong yang akan disertai kira-kira 2,000 orang pemimpin pertubuhan politik, pertubuhan bukan kerajaan dan orang ramai.

Esoknya, Perdana Menteri akan merasmikan kompleks baru Hospital Melaka di Bukit Palah yang berharga RM77 juta.

Kompleks itu menyediakan kemudahan baru seperti perkhidmatan rawatan hidroterapi, unit rawatan mangsa kebakaran dan tambahan dewan bedah dari lima kepada lapan bilik, bilik bersalin daripada 10 kepada 17 buah dan tambahan 800 katil di wad-wad menjadikan jumlahnya 1,606 katil.

-- BERNAMA

NO RON